

Anwar, Muizzu senada gesa henti pembunuhan di Gaza

Putrajaya: Malaysia dan Maldives berkongsi sentimen serta aspirasi supaya jenayah dan pembunuhan beramai-ramai di Palestin oleh rejim Israel dihentikan segera, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, keberanian Presiden Maldives, Dr Mohamed Muizzu mengambil keputusan melarang kemasukan individu yang memegang pasport Israel ke negaranya, adalah pendirian tegas yang amat berprinsip.

“Sejak merdeka, Malaysia tidak pernah memberikan pengiktirafan kepada Israel, terutama disebabkan keengganan mereka menghormati hak asasi manusia, menunaikan komitmen antarabangsa dan menghentikan jenayah pembunuhan beramai-ramai

di Palestin, terutamanya di Gaza.

“Kita (Malaysia dan Maldives) berkongsi sentimen dan aspirasi yang sama dan saya sudah menyampaikan bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, rasa hormat yang tinggi terhadap keberanian dan pendirian berprinsip beliau (Muizzu),” katanya pada sidang media bersama sempena lawatan rasmi Muizzu ke Malaysia.

Sementara itu, Muizzu berkata, Maldives tetap teguh menyokong perjuangan rakyat Palestin.

Tegasnya, rakyat Palestin berhak memiliki negara yang merdeka berlandaskan sempadan sebelum tahun 1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara.

“Kami mengulangi sokongan tidak berbelah bahagi kepada rak-

yat Palestin dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan negara berdaulat,” katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan bersama, Anwar berkata beliau dan Muizzu mengesahkan komitmen bersama dalam memupuk perpaduan Ummah Islam dan menegakkan prinsip teras Islam.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas pertemuan mereka semalam, kedua-dua pemimpin menegaskan bahawa isu global, termasuk konflik Palestin yang berlarutan, harus diselesaikan secara aman dengan menghormati sepenuhnya undang-undang antarabangsa dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Anwar dan Muizzu turut membangkitkan isu antarabangsa

yang kritikal, khususnya konflik berterusan yang menjejaskan umat Islam di seluruh dunia dan situasi kemanusiaan yang teruk di Myanmar akibat bencana gempa bumi dahsyat.

“Kedua-dua pemimpin turut mengetengahkan kepentingan penyelesaian yang adil dan berkeadilan terhadap setiap cabaran, dalam membawa keamanan dan kestabilan di rantau ini,” menurut kenyataan itu.

Ini adalah lawatan sulung Muizzu ke Malaysia sejak memegang jawatan presiden pada November 2023, dan lawatannya adalah atas jemputan Anwar.

Anwar dan Muizzu turut mengecam keganasan dalam semua bentuk serta manifestasinya, dan menegaskan komitmen mereka untuk menolak keganasan dan

membawa semua pelaku ke muka pengadilan.

“Kedua-dua pihak juga bersejua untuk terus berkongsi maklumat dan amalan terbaik untuk menangani cabaran yang ditimbulkan oleh keganasan, serta ancaman tradisional dan bukan tradisional yang lain,” menurut kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin turut menegaskan komitmen bagi mewujudkan lebih banyak peluang dan persekitaran yang menyokong pelajar, terutamanya melalui kelonggaran rejim visa, untuk melanjutkan pengajian tinggi di negara masing-masing.

Kedua-dua pemimpin juga mengiktiraf kejayaan berterusan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dalam mengukuhkan hubungan dua hala.